

PERANAN IBUBAPA DAN KOMUNITI ?

Ibubapa dan komuniti setempat:

- ◆ Bantu pastikan semua kanak-kanak dalam komuniti mendapat pelalian MMR pada umur 12 bulan.
- ◆ Jika didapati bahawa ada kanak-kanak yang tidak mendapat pelalian, gesa ibubapa/penjaga mereka untuk mendapatkan pelalian tersebut.
- ◆ Kanak-kanak yang disyaki menghidap demam campak perlu dibawa untuk pemeriksaan supaya jangkitan kepada kanak-kanak lain dalam komuniti dapat dicegah dan rawatan dapat diberi untuk mengelakkan komplikasi.



Untuk Keterangan Lanjut, Sila Hubungi:

Klinik Kesihatan dan Hospital yang berdekatan dengan anda atau Layari Laman Sesawang www.myhealth.gov.my

DEMAM CAMPAK




TINDAKAN AWAL SELAMATKAN NYAWA
PANDUAN UNTUK IBU BAPSA DAN PENJAGA

PENGENALAN

- ◆ Demam campak (*measles*) merupakan antara penyakit berbahaya semasa diperingkat kanak-kanak.
- ◆ Kebanyakkan kes demam campak berlaku kepada kanak-kanak di bawah umur satu tahun kerana mereka belum menerima pelalian demam campak.

DEMAM CAMPAK?

- ◆ Demam campak merupakan sejenis penyakit yang sangat berjangkit dan menyebabkan:
 - Demam panas (suhu tinggi).
 - Ruam merah kecil.
 - Selesema dan hidung berair.
 - Batuk.
 - Mata merah berair/konjunktivitis.
- ◆ Demam campak boleh menyebabkan komplikasi berikut:
 - Pneumonia (radang paru-paru).
 - Jangkitan telinga yang boleh menyebabkan pekak.
 - Mata merah, Bengkak dengan lelehan berair atau nanah yang boleh menyebabkan buta.
 - Radang otak (encephalitis).
 - Kematian.



PENYEBAB DEMAM CAMPAK

- ◆ Demam campak disebabkan oleh virus campak.
- ◆ Virus disebarluaskan melalui titisan kecil air liur dan titisan hidung yang terpercik semasa batuk, bersin atau bercakap.
- ◆ Virus juga boleh tersebar apabila menyentuh permukaan yang tercemar.
- ◆ Virus mampu bertahan selama 2 jam di permukaan yang terkontaminasi.

GOLONGAN BERISIKO

- ◆ Bayi berumur kurang setahun.
- ◆ Kanak-kanak yang tidak mendapatkan imunisasi.
- ◆ Sesiapa sahaja yang belum pernah mendapat demam campak atau tidak pernah mendapat pelalian demam campak.

RAWATAN

- ◆ Tiada rawatan khas bagi demam campak.
- ◆ Komplikasi boleh dielakkan jika demam campak dapat dikenalpasti dengan segera.
- ◆ Bawa anak anda ke klinik kesihatan atau hospital yang berdekatan dengan segera jika disyaki dijangkiti.

PENCEGAHAN

- ◆ Cegah demam campak dengan pelalian.
- ◆ Dapatkan pelalian demam campak sebagai hadiah hari jadi pertama anak anda!

